

## 2.0 BAHASA MELAYU KUNO

### 2.1 PENDAHULUAN

- KESUSASTERAAN China pernah menyebut perihal bahasa **Kwun-Lun** yang dituturkan di alam Melayu, seperti yang pernah dipelajari oleh I-Tsing di Perguruan Tinggi Agama Buddha di Sriwijaya.<sup>1</sup>
- Bahasa ini milik bangsa Indo-Melayu kuno, yang dinamakan **bahasa Melayu kuno** atau **Melayu Proto**.<sup>2</sup>
- Bahasa Melayu kuno merujuk bahasa Melayu yang digunakan pada batu-batu bersurat atau prasasti yang dijumpai di Sumatera Selatan dan Pulau Bangka, yang mewakili bahasa Melayu yang paling tua pernah dirakamkan.<sup>3</sup>
- Bahasa Melayu kuno turut dianggap sebagai **bahasa Melayu Purba** yang mendapat pengaruh baharu kesan daripada kedatangan pengaruh India.<sup>4</sup>

### 2.2 SUMBER BAHASA MELAYU KUNO

- Bukti bahasa Melayu kuno wujud atau digunakan dapat dilihat daripada pahatan pada beberapa **batu bersurat (prasasti)** pada abad ketujuh hingga abad ke-14.
- Prasasti yang dijumpai dapat menunjukkan bentuk bahasa Melayu kuno, pernyataan bahasa yang langsung, mempunyai erti sejarah perkembangan bahasa Melayu, dan dapat menjelaskan bentuk tulisan dan perkataan yang digunakan.<sup>5</sup>
- Banyak batu bersurat yang dijumpai bertarikh di sekitar abad ketujuh dan kelapan Masihi, ketika alam Melayu terletak di bawah pengaruh kerajaan Sriwijaya.
- Terdapat lima buah batu bersurat yang ditemui di Sumatera dan sebuah ditemui di Pulau Jawa yang dijadikan kajian utama kerana menunjukkan ciri-ciri bahasa Melayu yang jelas.

#### (a) **Kedukan Bukit** (Palembang, 683 Masihi)

- Prasasti ini dijumpai pada tahun 1920 di kaki Bukit Siguntang bertarikh 605 tahun Saka
- Dianggap sebagai **batu bersurat tertua** yang menyebut nama Sriwijaya.
- Bahasa Melayu yang digunakan **bercampur dengan bahasa Sanskrit**.
- Tulisannya menggunakan **huruf Palava** (tulisan purba dari selatan India).

---

<sup>1</sup>Selatan Hamzah. *Bahasa Malaysia dalam Sejarah dan Perkembangannya*. Jakarta: Universiti Nasional (1974:9)

<sup>2</sup>Ismail Hussein. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1992:3)

<sup>3</sup>Asmah Haji Omar (1988:383)

<sup>4</sup>Darwis Harahap. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (1992:8)

<sup>5</sup>Hamed Mohd Adnan. *Tutorial STPM Bahasa Melayu Kertas 1 (910/1)*. Kuala Lumpur: Federal Publications (2000:17)

- Catatannya tentang **kejayaan kerajaan itu meluaskan pengaruh politik**. Oleh itu, batu bersurat ini diukir untuk memperingati terdirinya kerajaan Sriwijaya. Dikatakan kotanya mungkin di hilir Sungai Kampar atau Inderagiri.

(b) **Telaga Batu** (Palembang, 683 Masihi)

- Batu bersurat ini **mengandungi 28 baris**; dipercayai dibina oleh ketua tentera Jawa yang datang menyerang kerajaan Sriwijaya di Sumatera, kerana *Dato* pada catatannya, *Menyebelah pada Dato-dato*, bermakna “Kepala Pemerintahan Melayu”.
- D.G. de Casparis berpendapat, prasasti ini menggunakan bahasa Gatha (Gata), iaitu sebahagian daripada bahasa Persia Tua yang dinamakan Pahlevi, tetapi seakan-akan bahasa Jawa kuno.
- Tulisannya menggunakan **huruf Palava**.
- Prasasti ini menyatakan **perihal undang-undang**. Rakyat akan dilindungi kecuali mereka yang melanggar undang-undang, dan orang yang belot atau bersubahat dengan musuh dan derhaka akan dihukum bunuh.

(c) **Talang Tuwo** (Palembang, 684 Masihi)

- Batu bersurat ini dijumpai pada tahun 1920) di kawasan Talang Tuwo, barat daya Bukit Siguntang, iaitu 8 kilometer dari Palembang.<sup>6</sup>
- Batu bertarikh 606 tahun Saka (684 M) ini menyatakan hal **Raja Jayanash membuat sebuah taman bunga dan berjanji untuk melaksanakan kebaikan untuk kebahagiaan segala makhluk**.
- Terdapat juga **doa agar usaha pertanian rakyat mendapat hasil yang banyak**.
- Daripada batu bersurat ini dapat dikesan **kegiatan pemerintah dan rakyat** (hamba sahaya), yang menjelaskan peranan raja, dan rakyatnya telah pandai berhuma, berternak dan mengembara, yang menunjukkan satu masyarakat yang bertamadun.
- Dengan **huruf Palava** yang digunakan, beberapa perkataan Melayu kuno yang dikesan ialah **wulan, tatkalana, sawanakna, nitanam** (“ditanam”), **niyur, hanau** (“enau”), **rumwia** (“rumbia”), **dngan, nimakan** (“dimakan”), **wuahna, tathapi, haur** (“aur”), **wuluh** (“buluh”), **tlaga, tmu** (“temu”), **marrga** (“marga”), **niminumna, sukha, wuatna, manghidupi** (“menghidupi”), **prakara** (“perkara”), **warang** (“barang”), **wuatanna** (“buatannya”), **marwangun** (“membangun”).<sup>7</sup>

(d) **Kota Kapur** (Pulau Bangka, 686 Masihi)

- Batu bersurat yang bertarikh 608 tahun Saka (686 M) ini dijumpai pada tahun 1892 oleh J.K. van der Meulen di barat Pulau Bangka, iaitu di utara Sungai Menduk.
- Bentuknya mengerusut, dasarnya enam, lebar bawahnya 32 cm dan bahagian atasnya 19 cm.
- Inskripsi ini dibuat **dengan perintah raja**.
- Pada prasasti ini terdapat banyak perkataan Melayu yang digunakan sehingga kini, seperti **abai, aku, batu, banyak, benua, beri, buat, bulan, bunuh, datu, dengan, di dalam, dosanya, durhaka, gelar, hamba, jahat, jangan, kait, kasihan, kedatuan,**

<sup>6</sup>Abdullah Hassan (1992:11) *Bahasa Melayu STPM Kertas 1 & 2*: Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd,

<sup>7</sup>Darwis Harahap (1992:9-12). Transliterasi “v” digunakan untuk “b”, tetapi telah ditukar kepada “w”.

**keliwat, kita, lawan, maka, mati, merdeka, mula, tetapi, tida, tuba, ujar, ulang, ulu, dan yang.**

- Terdapat juga imbuhan awalan **ni-, di-, mar-, par-, dan ka-**, serta akhiran **-i dan -an**. Ternyata unsur Sanskrit semakin berkurangan.<sup>8</sup>
- Kandungannya tentang **seruan dewa-dewa dan makhluk bertaraf tinggi yang melindungi kedaulatan Sriwijaya** agar memberikan kebahagiaan kepada mereka yang mengabdikan diri dan mengutuk mereka yang tidak setia kepada negara.

(e) **Karang Brahi** (Hulu Sungai Jambi, 692 Masihi)

- Batu bersurat yang bertarikh bertarikh 614 tahun Saka (692 M) ini dijumpai oleh L. Berkhout di Merinigin, daerah Hulu Jambi pada tahun 1904.
- Terdapat 16 baris ayat pada batu bersurat ini.
- Kandungannya lebih kurang sama dengan batu bersurat Kota Kapur.

(f) **Gandasuli** (Jawa Tengah, 832 Masihi)

- Prasasti ini dianggap unik kerana ditemukan di tempat yang jauh dari Sumatera.
- Prasasti ini menggunakan **huruf Nagiri** (bentuk tulisan di utara India).
- Huruf Nagiri mempunyai hubungan rapat dengan agama Buddha, berbeza huruf dan ada kelainan kecil pada dialeknya.
- Dipercayai bahawa batu ini **didirikan oleh kerajaan Saleindra**, sebuah kerajaan Buddha di Jawa, untuk menandakan berakhirnya raja-raja keturunan kerajaan itu.<sup>9</sup>

## 2.3 CIRI BAHASA MELAYU KUNO

(a) **Kosa Kata**

- Perkataan bahasa Melayu kuno digunakan bercampur-campur dengan bahasa Sanskrit.
- Kosa kata bahasa Melayu kuno **dipengaruhi oleh perkataan bahasa Sanskrit**.
- Penggunaan bahasa Sanskrit ini menyebabkan **bahasa Melayu mengalami evolusi yang pertama**.<sup>10</sup>
- Perkataan bahasa Melayu yang terdapat pada batu-batu bersurat pada zaman ini berjumlah lebih kurang **50 baris sahaja**.<sup>11</sup>

(b) **Sistem Tulisan**

- Tulisan bahasa Melayu kuno menggunakan **huruf India**.
- Prasasti-prasasti yang dijumpai di Sumatera menggunakan tulisan **Palava** yang berasal dari selatan India, manakala prasasti Gandasuli yang dijumpai di Jawa menggunakan aksara **Nagiri** yang berasal dari utara India.<sup>12</sup>

---

<sup>8</sup>Darwis Harahap (1992:13)

<sup>9</sup>Ismail Hussein (1992:21-22)

<sup>10</sup>Ismail Hussein (1992:10)

<sup>11</sup>Ismail Hussein (1992:18)

<sup>12</sup>Ismail Hussein. (1992:21)

(c) **Fonem**

- Tulisan bahasa Melayu kuno menggunakan **tiga vokal** sahaja, iaitu **a, i, dan u**, yang boleh hadir pada semua lingkungan perkataan.<sup>13</sup>
- Bahasa Melayu kuno tidak mempunyai **e pepet**, atau digantikan oleh vokal **a**<sup>14</sup>

- *dngan* atau *dangan* = “dengan”
- *tlaga* = “telaga”
- *tathapi* = “tetapi”

- Huruf bilabial **w** menggantikan **b**, tetapi tidak bermakna **b** tiada langsung.<sup>15</sup>

- *wanak* = “banyak”
- *wuat* = “buat”
- *wulan* = “bulan”

- Bunyi **b** digunakan secara berangkap dengan **h**, iaitu **bh**, seperti yang terdapat pada prasasti Kota Kapur.

- *bhumi* = “bumi”

- Penggunaan **h** pada perkataan tertentu yang telah dihilangkan dalam bahasa Melayu moden.<sup>16</sup>

- *tuha* = “tua”                      • *hotak* = “otak”
- *guha* = “gua”                    • *samuha* = “semua”
- *hajar* = “ajar”                   • *sahaya* = “saya”

- Terdapat juga penggunaan konsonan rangkap yang diucapkan dengan aspirasi (hembusan) yang kerap.<sup>17</sup> Antaranya **bh, dh, kh, dan th**.

- *bhumi* = “bumi”                   • *sukha* = “suka”
- *dhukha* = “duka”               • *tathapi* = “tetapi”

- Bunyi **ny** tidak wujud, tetapi menggunakan **n** sahaja.<sup>18</sup>

- *niyur* = “nyir”
- *tatkalana* = “tatkalanya”
- *sawanakna* = “sebanyaknya”

<sup>13</sup>Asmah Haji Omar (1988:386)

<sup>14</sup>Ismail Hussein (1992:18)

<sup>15</sup>Ismail Hussein (1992:18).

<sup>16</sup>Abdullah Hassan (1992:21)

<sup>17</sup>Nik Safiah Karim, *et al. Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. KL: DBP (1992:9)

<sup>18</sup>Darwis Harahap (1992:11)

(d) **Imbuhan**

- Awalan aktif tak transitif **mar-** yang digunakan sebagai **ber-**

- *marlepas* = “berlepas”
- *marbuat* = “berbuat”
- *marsila* = “bersila”

- Awalan aktif transitif **ma-** digunakan sebagai **mem-**

- *mawawa* = “membawa”

- Awalan aktif **mang-** digunakan sebagai **meng-** hadir bersama dengan akhiran **-i**.

- *mangujari* = “mengujari”
- *manghidupi* = “menghidupi”

- Awalan pasif rangkap **nipar-** digunakan sebagai **diper-**

- *niparbuat* = “diperbuat”

- Awalan pasif **ni-** yang digunakan sebagai **di-**

- *nitanam* = “ditanam”
- *niminumna* = “diminumnya”
- *nisuruh* = “disuruh”

- Awalan apitan **par-...-an** digunakan sebagai **per-...-an**

- *parsumpahan* = “persumpahan”